

Soalan No: 14

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]**

**TARIKH : 26.7.2017**

**SOALAN :**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:-**

- (a) sama ada seseorang yang tidak pernah menduduki peperiksaan SPM dibenarkan mengambil kertas peperiksaan SPM Bahasa Melayu sahaja (single subject) memandangkan kelulusan dengan kepujian dalam Bahasa Melayu diwajibkan bagi pengambilan penjawat awam; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk membuka kelas atau kursus pengajaran Bahasa Melayu seperti IELTS dan TOEFL.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa calon sekolah dan calon persendirian yang tidak pernah menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang pertama kali mendaftar untuk peperiksaan SPM hendaklah mendaftar sekurang-kurangnya enam mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik, Sains dan Pendidikan Islam/Pendidikan

Moral. Walau bagaimanapun, bagi individu yang mendapat tawaran sebagai penjawat awam di Malaysia yang memerlukan kelulusan Bahasa Melayu SPM, boleh memohon mendaftar kertas peperiksaan SPM Bahasa Melayu tunggal.

- b) KPM sentiasa berusaha meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan semakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang baharu sahaja dilaksanakan turut memasukkan elemen peningkatan penguasaan bahasa Melayu. KPM juga telah membangunkan Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025. Sehubungan dengan itu, KPM tidak mempunyai perancangan untuk membuka kelas atau kursus pengajaran Bahasa Melayu seperti IELTS dan TOEFL.